POLISI PENGENDALIAN DAN PENGGUNAAN 'HIGH ALERT MEDICATIONS'/LOOK ALIKE & SOUND ALIKE DRUGS

UNIT FARMASI DAN BEKALAN

HOSPITAL PARIT BUNTAR
34200 JALAN SEMPADAN
PARIT BUNTAR, PERAK

Tarikh kemaskini : 24 Jan 2019

1. PENGENALAN

Kesilapan pengubatan (Medication Error) merupakan kejadian yang boleh dihalang dari menyebabkan penggunaan ubat yang tidak betul atau mengakibatkan kesan yang serius kepada pesakit semasa ubat tersebut di dalam kawalan anggota perubatan atau pesakit.

Walaupun kebanyakan ubat tidak mendatangkan risiko yang serius ke atas pesakit, ada sesetengahnya boleh menyebabkan risiko yang lebih serius sehingga mengancam nyawa pesakit sekiranya berlaku kesilapan. Ubat-ubat ini dikategorikan sebagai 'High Alert Medication'(HAM).

Ubat 'Look-Alike,Sound-Alike' (LASA) pula merupakan ubat yang berisiko menyebabkan kesilapan pengubatan kerana sebutan/rupa/warna ubat yang hampir sama.

Bagi memastikan keselamatan pesakit terjamin, pengendalian yang betul bagi ubat-ubat yang disenaraikan sebagai HAM/LASA perlu dipraktikkan, bermula dari proses perolehan, 'prescribing' pembungkusan, pelabelan dan pendispensan/pemberian ubat kepada pesakit. Proses-proses ini perlu dikawal bagi mengelakkan berlakunya kesilapan pengubatan.

2. FAKTOR-FAKTOR PENTING YANG PERLU DIAMBIL KIRA SEMASA MENGGUNAKAN 'HIGH ALERT MEDICATIONS'/ LOOK-ALIKE, SOUND -ALIKE (LASA) DRUG

- Arahan bertulis yang difahami – Sebarang kemusykilan terhadap setiap pesanan ubat oleh Pegawai Perubatan perlu dijelaskan dengan menghubungi Pegawai Perubatan tersebut.
- Prosedur yang betul – Sila pastikan semua prosedur disemak dan betul, termasuk prosedur pencairan ubat, teknik pemberian ubat, contohnya, 'Intra-Muscle', Intra-Venous, Intrathecal, atau epidural serta Kadar Infusi yang betul.
- Ubat yang betul – Pastikan ubat disemak-silang terutama bagi ubat yang mempunyai kekuatan yang berbeza, kepekatan ubat, dan volume keseluruhan ubat.
- Ubat-ubat 'Look Alike or Sound Alike' – Sila beri lebih perhatian kepada item-item tersebut kerana risiko kesilapan pengubatan yang tinggi akibat rupa/bunyi yang hampir sama.

3. PENGENDALIAN 'HIGH ALERT MEDICATIONS'(HAM)/LOOK-ALIKE, SOUND -ALIKE (LASA) DRUG

3.1 Ubat-ubat 'High Alert Medications (HAM), dan 'Look-Alike, Sound-Alike' (LASA) akan diprescribed, didispense dan diberikan kepada pesakit dengan mempraktikkan prosedur yang selamat.

3.2 Pihak Farmasi Bekalan Wad akan membekalkan ubat-ubat HAM kepada setiap unit di HPB dengan label khas "HIGH ALERT MEDICATIONS" pada setiap ampule dan vial.

3.3 Setiap Unit dikehendaki menandakan tempat menyimpan ubat/rak-rak ubat HAM dengan label khas “HIGH ALERT MEDICATIONS” yang boleh diperolehi dari Farmasi bekalan Wad.

3.4 Semua anggota yang mengendalikan HAM/LASA perlu membaca label HAM/LASA dengan berhati-hati sebelum menyimpan ubat ditempat yang betul.

3.5 Setiap ubat HAM/LASA perlu disimpan didalam bekas simpanan yang berlainan. Tidak Boleh mencampurkan 2 atau lebih ubat yang berbbeza didalam bekas yang sama.

3.6 Ubat HAM/LASA atau Ubat dengan kekuatan yang sama perlu disimpan berasingan dan tidak disimpan sebelah menyebelah bagi mengelakkan kesilapan.

3.7 Pegawai Perubatan TIDAK BOLEH menggunakan sebarang Singkatan semasa memesan HAM.

3.8 Dose, Cara pemberian, dan kadar infusi perlu spesifik apabila memesan ubat HAM.

3.9 Bagi ubat sirup, pesanan perlulah dalam unit milligram(mg) dan bukannya milliliter (ml).

3.10 Setiap ubat HAM PERLU disemak-silang sebelum dilabel, di-dispense (dispense) kepada pesakit atau diberikan (administer) kepada pesakit.

3.11 Sistem perlu diimplemen supaya penyedia dan pemberi ubat yang terlibat dengan HAM adalah anggota yang berlainan.

3.12 Setiap ubat HAM yang dibekalkan oleh Unit Farmasi HENDAKLAH disemak-silang dan DISAHKAN oleh anggota yang lain sebelum dibekalkan kepada unit pemesan.

3.13 HAM yang didispense kepada pesakit untuk dibawa pulang tidak perlu dilabel sebagai ‘HIGH ALERT MEDICATIONS”.

3.14 Setiap perubahan keatas senarai/pembekal/warna/persediaan HAM/LASA akan dimaklumkan kepada Unit Pengguna dengan kadar yang segera.

3.15 Setiap peralatan yang digunakan untuk pemberian ubat perlu dikalibrasi dan diselenggara mengikut Standard Operation Procedure.

3.16 Setiap anggota yang mengendalikan HAM/LASA perlu diberikan pendedahan terhadap polisi dan panduan penggunaan HAM.

4. LAMPIRAN

4.1 Senarai High Alert Medications bagi Hospital Parit Buntar

4.2 Senarai Look-Alike/Sound-Alike, bagi Hospital Parit Buntar

4.3 Dilution Guidelines for High Alert Medication.

5. RUJUKAN

5.1 Guidelines On Safe Use of High Alert Medication, Pharmaceutical services Division, Ministry of Health Malaysia, 2011